

## Syawal Ikonik 2025 Bersama Proton e.MAS 7

*Anak-anak dari Madrasatul Quran Yaakubiyah dibawa menaiki Proton e.MAS 7 dalam aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)*

**Subang Jaya, 27 Mac 2025** – Anak syarikat kenderaan tenaga baharu PROTON, PRO-NET, telah menganjurkan sambutan Syawal Ikonik bersama Proton e.MAS 7, sebuah aktiviti pemanduan bersempena Hari Raya yang menerapkan nilai memberi dan toleransi. Sambutan ini menyaksikan konvoi kenderaan elektrik (EV) e.MAS 7 yang memulakan perjalanan bersama anak-anak dari Madrasatul Quran Yaakubiyah, USJ 1, di mana mereka dibawa menaiki EV pertama PROTON untuk membeli-belah mencari pakaian Raya sebelum diraikan dalam sesi berbuka puasa di *Centre of Excellence (COE)*

### **Perjalanan Bermakna dalam Memupuk Nilai Saling Memberi dan Toleransi**

Terdapat 10 unit konvoi Proton e.MAS 7 yang dibantu oleh pengedar Proton e.MAS, seramai 40 orang anak-anak telah dibawa ke Jakel Mall Shah Alam, di mana mereka diraikan dengan kesempatan untuk membeli-belah pakaian raya. Setiap daripada mereka menerima satu set lengkap Baju Raya bersama sampin dan songkok untuk menyambut Aidilfitri yang akan datang, sekaligus menonjolkan dedikasi PRO-NET dalam memupuk hubungan yang bermakna dengan komuniti sejagat.

Selepas sesi membeli-belah, konvoi tersebut tiba di PROTON COE, di mana anak-anak berpeluang Beramah mesra bersama pihak pengurusan PROTON dan wakil pengedar, berkongsi kenangan yang mesra dan bermakna. Berbuka puasa bersama mereka mencerikan suasana pada sambutan ini. Sambutan ini akhiri dengan pemberian Duit Raya, satu tanda keikhlasan yang kecil tetapi penuh makna bagi mereka.

Pn. Salawati Mohd Yusoff, Ketua Pegawai Penjenamaan PRO-NET, berkongsi pandangannya mengenai inisiatif ini: “Syawal Ikonik bukan hanya sekadar memberi, malah ia tentang berkumpul bersama dan membina hubungan bersama mereka. Di PRO-NET, kami percaya kemajuan bukan hanya diukur melalui teknologi, tetapi melalui impak yang kami cipta dalam komuniti. Berkongsi detik ini bersama anak-anak Madrasatul Quran Yaakubiyah adalah sesuatu yang amat istimewa di bulan Ramadan dan kami bersyukur dapat menjadi sebahagian daripada sambutan Raya mereka.”

### **Sebuah Perjalanan Yang Tidak Dapat Dilupakan**

Kehadiran barisan Proton e.MAS 7 di Jakel Mall dan COE bukan sahaja melambangkan inovasi dan kelestarian, tetapi juga keprihatinan dan perpaduan dalam komuniti. PRO-NET menegaskan komitmennya untuk memperkayakan kehidupan melalui kemajuan teknologi serta inisiatif sosial, dan berharap untuk lebih banyak peluang dalam memacu perjalanan pada masa hadapan.

Kami juga merakam detik-detik bermakna ini di dalam video, meraikan kegembiraan dan kebersamaan yang dikongsi sepanjang sambutan berlangsung.

Tonton video penuh di sini: <https://www.youtube.com/watch?v=6smfV-4Eo6Y>

Untuk maklumat lanjut, ikuti saluran media sosial rasmi Proton e.MAS: [Facebook](#) (Proton e.MAS Cars), [Xiaohongshu](#) (Proton e.MAS Cars), [TikTok](#) (@protonemasofficial), dan [Instagram](#) (@protonemasofficial).

-End-

**About Proton e.MAS**

Proton e.MAS is Malaysia's pioneering national electric vehicle and new energy brand, a sub-brand of PROTON and distributed by PRO-NET. Playing a pivotal role in EV adoption and building the brand's ecosystem, Proton e.MAS is dedicated to leading the charge towards sustainable transportation with an unwavering commitment to innovation and excellence. Our expanding network of dealerships, comprehensive aftersales services, and ecosystem ensures that every customer enjoys a seamless and gratifying experience. Our mission, aligned with our parent company PROTON is to INSPIRE CONNECTIONS by consistently delivering Innovative Technology, Reliability, and international standards. Proton e.MAS was unveiled on 12 June 2024.

**Proton e.MAS**

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

**Issued by:**

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Faisal Shah Mohamed Shah

Senior Manager Group Communication

Telephone: +6019-321 8897

Email: [faisalshah@proton.com](mailto:faisalshah@proton.com)

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: [agusmn@proton.com](mailto:agusmn@proton.com)

**For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:**

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: [menuka.vejasegaran@h-advisors.global](mailto:menuka.vejasegaran@h-advisors.global)

Joshua Fredrick

H/Advisors Klareco

M: +6012 392 8943

Email: [joshua.fredrick@h-advisors.global](mailto:joshua.fredrick@h-advisors.global)